

# Khalil: UMNO tetap mahu bincangkan kepentingan Melayu

UM 18 MAR 2001

MELAKA 17 Mac — UMNO tidak akan berganjak daripada agenda yang ditetapkan presidennya Datuk Seri Dr Mahathir Monamad bagi membincangkan kepentingan Melayu dalam pertemuan dengan Pas walaupun parti pembangkang itu meletakkan pelbagai syarat

Setiausaha Agung UMNO Tan Sri Khalil Yaakob berkata ini kerana pertemuan di antara kedua-dua parti bagi membincangkan kepentingan Melayu seharusnya diadakan terlebih dahulu sebelum beralih kepada syarat-syarat yang dikemukakan oleh Pas

Bertemulah (dengan UMNO) terlebih dahulu kemudian baru kemukakan apa-apa permintaan kata beliau kepada pemberita selepas Majlis Perjumpaan Setiausaha Agung UMNO dengan parti pemimpin UMNO bahagian Jasin di Merlimau hari ini

Beliau berkata demikian ketika ditanya perkembangan lanjut mengenai perjumpaan UMNO dengan Pas bagi membincangkan isu kepentingan Melayu

Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri menetapkan empat agenda untuk pertemuan dengan Pas iaitu

hak keistimewaan orang Melayu kedudukan agama Islam bahasa kebangsaan dan status raja-raja Melayu seperti termaktub dalam perlembagaan

Saya tidak boleh mengulas lanjut biarlah kita tunggu jawapannya selepas Pas menyelesaikan mesyuaratnya untuk menentukan keputusan parti itu berhubung perjumpaan dengan UMNO tambah beliau

---

## Pemilihan

Mengenai UMNO Khalil yang juga Menteri Penerangan berkata Lembaga Disiplin parti berkenaan menerima secara purata 10 aduan daripada cawangan setiap minggu tetapi hanya melibatkan kes-kes kecil

Kata beliau soal pengundi hantu juga tidak wujud lagi dalam pemilihan UMNO cawangan atau bahagian kerana masalah tersebut sebenarnya cuma kekeliruan dalam proses pemindahan ahli ke sesuatu bahagian

Apabila semakan dibuat ada di antara nama ahli bahagian tertentu yang masuk ke bahagian lain sewaktu pendaftaran dija

lankan menerusi komputer kata beliau

Bagaimanapun kata beliau UMNO sentiasa memantau cawangan dan bahagiannya di seluruh negara untuk memastikan pemilihan peringkat dasar berjalan lancar

Sementara itu ketika ditanya sama ada Kementerian Penerangan mempunyai rancangan tertentu untuk menyalurkan program yang dapat meningkatkan lagi semangat perpaduan di kalangan rakyat bagi mengelakkan insiden seperti terjadi di Jalan Klang Lama Khalil menelakkan pihaknya telah berbuat demikian sejak dahulu

Menurut beliau pegawai pegawai Jabatan Penerangan sentiasa memberi taklimat kepada rakyat untuk memupuk semangat muhibah manakala Radio Televisyen Malaysia menerusi siaran berita dan program lain turut memainkan peranannya di seluruh negara

Jika ditonton siaran berita dan program lain seperti dokumentari menggambarkan muhibah dan kita akan terus mengekalkannya